



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2022

Rujukan : Bil (39) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

22 Februari 2022

Setiausaha Bandaraya,
Semua Pengarah Kanan,
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit,
Semua Pembantu Tadbir (Kanan)
Majlis Bandaraya Ipoh.

**TATACARA PENGURUSAN DOKUMEN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN RASMI
DI LUAR IBU PEJABAT**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 berkenaan "Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi" dan Arahan Perbendaharaan (AP) 100 adalah berkaitan.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan dokumen tuntutan yang dikemukakan untuk proses pembayaran mematuhi prosedur kewangan yang telah ditetapkan, Majlis dengan ini menyediakan Tatacara Pengurusan Dokumen Tuntutan Elaun Perjalanan Rasmi Di Luar Ibu Pejabat yang lebih jelas agar mudah difahami.

4. Tatacara Pengurusan Dokumen Tuntutan Elaun Perjalanan Rasmi Di Luar Ibu Pejabat adalah seperti berikut:

BIL	DOKUMEN	TINDAKAN
1.	Borang Tuntutan Elaun Perjalanan hendaklah mengandungi data yang lengkap seperti berikut:	<ul style="list-style-type: none">- Maklumat pegawai- Kenyataan tuntutan yang lengkap. Catatkan dengan jelas tarikh, waktu bertolak dan sampai, tujuan / tempat dan jarak (km) perjalanan.- Kelayakan tuntutan- Pengiraan tuntutan- Pengakuan pegawai yang menuntut- Pengesahan Ketua Jabatan

ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2022

Rujukan : Bil (39) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

TATACARA PENGURUSAN DOKUMEN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN RASMI DI LUAR IBU PEJABAT

BIL	DOKUMEN	TINDAKAN
2.	Dokumen Sokongan yang perlu dikemukakan.	<ul style="list-style-type: none"> - Surat arahan bertugas luar pejabat - Kebenaran menggunakan kenderaan sendiri - Resit kenderaan awam - Resit hotel - Resit dobi - Resit tol - Resit tempat letak kereta - Surat pengesahan perubatan pegawai / sijil cuti sakit - Ehadir / hrms pengesahan cuti rehat (Pengiring bagi tujuan perubatan) - Surat pengesahan pengiring dari hospital - Kad temujanji - Dokumen-dokumen sokongan yang lain - Sekiranya resit asal telah hilang, kemukakan surat akuan pegawai dengan pengesahan Ketua Jabatan. - Resit yang dikemukakan adalah salinan, maka pemohon perlu mendapatkan pengesahan Ketua Jabatan masing-masing pada salinan resit tersebut.
3.	Tuntutan Perjalanan mengikut Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan.	<ul style="list-style-type: none"> - Dikemukakan tidak lewat daripada 10hb dalam bulan berikutnya. - Surat kelulusan tuntutan lewat dan tunggakan. - Hanya satu (1) Tuntutan Elaun Perjalanan boleh dibuat bagi satu-satu bulan.
4.	Bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan kelulusan AP58(a) dikemukakan dan memenuhi syarat-syarat berikut:	<ul style="list-style-type: none"> - Tuntutan dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima. - Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2022

Rujukan : Bil (39) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

TATACARA PENGURUSAN DOKUMEN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN RASMI DI LUAR IBU PEJABAT

5. Oleh itu, adalah dipohon kerjasama dari setiap Ketua Jabatan agar dapat membuat semakan dan pemantauan sebelum membuat apa-apa pengesahan tuntutan anggota dari jabatan tuan/puan. Ini bagi memastikan tiada sebarang tuntutan palsu yang boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah **Akta Kerajaan Tempatan 1976 – Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Ipoh (Kelakuan Dan Tatatertib) 2013**.
6. Dengan adanya penambahbaikan ini, ianya dapat memastikan pematuhan kepada prosedur yang ditetapkan dilaksanakan dengan betul serta bagi mengelakkan teguran audit pada masa hadapan.
7. **Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.** Perhatian, kerjasama, dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“IPOH BESTARI SEJAHTERA”

“IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023”

“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI RUMAZI BIN BAHARIN@MD DAUD)
Datuk Bandar Ipoh

“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”